

**MOHAMED  
RADZI**

**SARJANA SAINS  
(PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

**UPNM 2021**

**HUBUNGAN PENGHAYATAN NILAI ISLAM  
ANGGOTA TENTERA DARAT  
BERDASARKAN PROGRAM PENDIDIKAN  
ISLAM FARDU AIN DI LEMBAH KLANG**

**MOHAMED RADZI BIN HAJI MUSA**

**SARJANA SAINS  
(PENGURUSAN SUMBER)**

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL  
MALAYSIA**

**2021**

**HUBUNGAN PENGHAYATAN NILAI ISLAM  
ANGGOTA TENTERA DARAT BERDASARKAN  
PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM FARDU AIN DI LEMBAH KLANG**

**MOHAMED RADZI BIN HAJI MUSA**

**Tesis ini dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah Universiti Pertahanan  
Nasional Malaysia untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Sains  
(Pengurusan Sumber)**

**2021**

## ABSTRAK

Pelaksanaan program Pendidikan Islam Fardu Ain (PIFA) dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia, bertujuan memantapkan penghayatan nilai Islam. Namun begitu, timbul isu permasalahan yang membimbangkan seperti kes jenayah melibatkan anggota tentera. Oleh itu, timbul persoalan di sudut penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat melalui program PIFA. Objektif kajian ialah mengkaji perhubungan faktor kurikulum, jurulatih, infrastruktur serta peranan motivasi sebagai pemboleh ubah perantara ke atas penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota Tentera Darat. Instrumen kajian ialah edaran borang soal selidik secara rawak ke atas 354 responden anggota Tentera Darat melalui kaedah kuantitatif. Ujian hipotesis telah dijalankan melalui penggunaan perisian SPSS versi 22. Keputusan kajian mendapati bahawa faktor kurikulum, jurulatih dan infrastruktur mempunyai hubungan signifikan terhadap penghayatan nilai Islam. Manakala, pengujian hipotesis model pemboleh ubah perantara ke atas analisis melalui laluan model SmartPLS versi 3, menjelaskan bahawa motivasi mempunyai hubungan sangat signifikan sebagai pemboleh ubah perantara dalam perhubungan bagi ketiga-tiga pemboleh ubah tak bersandar dengan penghayatan nilai Islam. Sumbangan dapatan kajian ialah melalui penambahbaikan pelaksanaan program PIFA jika perkara berikut dapat diberikan perhatian: pertama, melaksanakan amalan penambahbaikan ke arah kualiti berterusan dalam kurikulum; kedua, melantik jurulatih yang kompetan bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sistematik; ketiga, menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa. Penambahbaikan skop program dipengaruhi oleh peranan motivasi dalam meningkatkan penghayatan nilai Islam secara berkesan dan holistik. Penyelidik amat percaya bahawa penghayatan nilai Islam dapat ditingkatkan dan mencapai objektif program sekiranya cadangan kajian diberi perhatian.

## ABSTRACT

*The implementation of the Fard Ain Islamic Education (PIFA) program among members of the Malaysian Armed Forces, aims to strengthen the appreciation of Islamic values. However, there are issues of concern such as criminal cases involving military personnel. There is a question in terms of the appreciation of Islamic values among members of the Army based on the PIFA program. Based on the issues of the study, the objective of the study is to examine the relationship between curriculum factors, coaches, infrastructure, and the role of motivation as a mediating variable on the appreciation of Islamic values among members of the Army. The instrument of the study was the random distribution of questionnaires to 354 military respondents. Through quantitative methods, the hypothesis testing used the software SPSS version 22 was showed that the factors of curriculum, coaches and infrastructure have a significant relationship to the appreciation of Islamic values. Meanwhile, the hypothesis testing of the intermediate variable model on the pathway analysis used the SmartPLS version 3 was showed that motivation has a very significant relationship as an intermediary variable in the relationship for all three variables with the appreciation of Islamic values. Through the contribution of the study findings the improvement of the implementation of the program if things get attention: first, implement improvement practices towards continuous quality in the curriculum; second, appoint competent trainers to carry out systematic teaching and learning activities; third, provide convenient infrastructure facilities. Improving the content of program are strongly influenced by motivational factors in enhancing the appreciation of Islamic values in an effective and holistic. Researchers are strongly believed that the appreciation of Islamic values will be improving to achieve the objectives of the program if the recommendations stated above are given attention.*

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian untuk Allah SWT, Tuhan semesta alam serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, dan keluarga serta para sahabatnya. Kesyukuran dirafa'kan kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan kekuatan yang diberikanNya, penyelidik masih mampu menyiapkan tesis ini.

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Yang Berbahagia Profesor Madya Kolonel (B) Dr. Burhanuddin bin Jalal, selaku penyelia utama tesis, di atas segala tunjuk ajar, ilmu serta bimbingan yang telah diberikan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan di atas kesudian beliau membimbing, membaiki kesilapan dan kekurangan sepanjang penyelidik menyiapkan amanah yang dipertanggungjawabkan. Terima kasih kerana sentiasa menitipkan kata-kata motivasi kepada penyelidik untuk terus berjaya.

Dikeempatan ini, penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Madya Leftenan Kolonel (B) Dr. Noor Azmi bin Haji Mohd Zainol yang menyumbangkan buah fikiran bagi menjadikan penyelidik sebagai seorang pendidik yang lebih berjaya. Terima kasih juga buat pihak Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur yang telah mengizinkan penyelidik melakukan kajian di kem-kem tentera yang berpangkalan di Lembah Klang, terutamanya anggota-anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang telah menjadi responden dalam kajian ini. Terima kasih diucapkan kerana telah memberikan maklumat yang terlalu bermakna bagi penyelidik menyiapkan kajian ini.

Teristimewa buat ayahanda, Haji Musa bin Embong, pengorbanan ayah mengasuh dan membesarkan anakanda hingga dewasa amat bermakna buat hidup ini. Terima kasih juga kerana sentiasa memahami anakanda yang sentiasa sibuk dengan pengajian ini dan kekangan masa untuk diluangkan bersama. Buat bonda penyelidik, Allahyarhamah Hajjah Khomah binti Haji Ali yang telah kembali ke rahmatullah. Segala nasihat serta pesanan yang bonda telah berikan akan sentiasa anakanda abadikan dijiwa. Semoga roh bonda tergolong dalam golongan roh yang solehah.

Khas buat isteri yang amat disayangi, Rahimah binti Abdul Rahim yang telah banyak memberikan dorongan, kata-kata galakan serta semangat kepada penyelidik serta anakanda Husna Mardiah, Afifah Mardhiah, Abdurrahman dan Ahmad Harith yang sentiasa menjadi pengubat dan menyejuk hati.

Akhir sekali, buat sahabat sejati yang sering menjadi teman perbincangan dan kerap memberi pendapat serta pandangan sewaktu mengharungi cabaran menyiapkan tesis. Tidak lupa kepada rakan seperjuangan dalam pengajian sarjana yang telah memberi tunjuk ajar dan membantu dalam pelbagai perkara. Mudah-mudahan jasa kalian akan diredhai Allah SWT. Terima kasih di atas segalanya.

Leftenan Kolonel (Ustaz) Hj Mohamed Radzi bin Haji Musa  
Batu 7, Kampong Rhu Renggeh,  
Chendering, 21800 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman.

## **KELULUSAN**

Jawatankuasa Peperiksaan telah bersidang pada **02 September 2020** bagi menjalankan peperiksaan akhir kepada **Mohamed Radzi bin Haji Musa** bagi tesis bertajuk '**Hubungan Penghayatan Nilai Islam Anggota Tentera Darat Berdasarkan Program Pendidikan Islam Fardu Ain Di Lembah Klang**'.

Jawatankuasa ini mencadangkan untuk pelajar ini dianugerahkan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Sumber).

Ahli-ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Peperiksaan seperti berikut:

**Profesor Madya Dr Aida Nasirah Binti Abdullah**

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
(Pengerusi)

**Dr Rogis bin Baker**

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Profesor Madya Dr Ahmad Munawar bin Ismail**

Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luaran)

## **KELULUSAN**

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah memenuhi piawaian bagi tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Sumber). Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut.

**Profesor Madya Kolonel (B) Dr Burhanuddin bin Jalal**

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Utama)

**Profesor Madya Leftenan Kolonel (B) Dr Noor Azmi bin Haji Mohd Zainol**

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia Bersama)

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

**PERAKUAN TESIS**

Nama Penuh : Mohamed Radzi bin Musa

Tarikh Lahir : 10 Januari 1969

Tajuk: Hubungan Penghayatan Nilai Islam Anggota Tentera Darat Berdasarkan Program Pendidikan Islam Fardu Ain Di Lembah Klang

Sesi Akademik : 2015/2016

Saya mengaku bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan, nukilan dan ringkasan yang diperturunkan, yang dijelaskan sumbernya.

Saya mengaku bahawa tesis ini diklasifikasikan sebagai:

**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang dispesifikasikan oleh organisasi kajian)\*

**TERBUKA** Bersetuju bahawa tesis ini keseluruhannya diterbitkan secara terbuka dan atas talian.

Saya mengetahui bahawa pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak-hak seperti berikut:

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat Salinan untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan berhak untuk membuat salinan tesis ini untuk tujuan perkongsian akademik.

---

(Tandatangan Pelajar)

---

(Tandatangan Penyelia/Dekan  
PPS/Ketua Pustakawan)

---

(No.Kad Pengenalan)

---

(Nama Penyelia/Dekan  
PPS/Ketua Pustakawan)

Tarikh:

Tarikh:

**Nota:** Sekiranya tesis ini diklasifikasikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada organisasi kajian menyatakan tempoh masa dan sebab diklasifikasikan sebagai sulit dan terhad.



## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>KELULUSAN</b>	v
<b>PERAKUAN TESIS</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI APENDIKS</b>	xvii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penghayatan Nilai Islam Dalam ATM	13
1.4 Pernyataan Masalah	17
1.5 Objektif Kajian	22
1.5.1 Objektif Khusus Pemboleh Ubah Secara Langsung	23
1.5.2 Objektif Khusus Melalui Pemboleh Ubah Perantara	23
1.6 Persoalan Kajian	23
1.6.1 Persoalan Kajian Pemboleh Ubah Secara Langsung	24
1.6.2 Persoalan Kajian Melalui Pemboleh Ubah Perantara	24
1.7 Hipotesis Kajian	24
1.7.1 Hipotesis Kajian Pemboleh Ubah Secara Langsung	25
1.7.2 Hipotesis Kajian Melalui Pemboleh Ubah Perantara	25
1.8 Kerangka Konseptual	26
1.8.1 Kerangka Konseptual Model Kesan Langsung	27
1.8.2 Kerangka Konseptual Model Pemboleh Ubah Mencelah	28
1.9 Kepentingan Kajian	29
1.9.1 Kepentingan kepada Program PIFA	29
1.9.2 Kepentingan kepada Penyelidik	30
1.9.3 Kepentingan kepada Institusi, Masyarakat dan Negara	30
1.9.4 Kepentingan kepada Sistem Politik, Sosial, Budaya dan Ekonomi	31
1.10 Skop Kajian	33
1.10.1 Pemilihan Organisasi	34
1.10.2 Bidang Kajian	34
1.11 Sistematika Penulisan Bab	35
1.12 Kesimpulan	36

<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pendahuluan	37
2.2	Takrif Istilah	40
2.2.1	Program Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA)	40
2.2.2	Penghayatan Nilai Islam	42
2.2.3	Kurikulum Program	45
2.2.4	Jurulatih	48
2.2.5	Infrastruktur	50
2.2.6	Motivasi	51
2.3	Konsep Penghayatan Nilai Islam Berasaskan Al-Ghazali	53
2.4	Teori Model Penilaian	56
2.4.1	Model Penilaian Tyler	56
2.4.2	Model Penilaian Stufflebeam	58
2.4.3	Model Penilaian Kirkpatrick	59
2.4.3.1	Tahap Pertama: Penilaian Reaksi	60
2.4.3.2	Tahap Kedua: Penilaian Pembelajaran	61
2.4.3.3	Tahap Ketiga: Penilaian Tingkah Laku	62
2.4.3.4	Tahap Keempat: Penilaian Hasil	63
2.5	Hubungan Program Pendidikan Islam Dengan Penghayatan Nilai Islam	64
2.5.1	Bukti Teoritikal	64
2.5.1.1	Teori Tingkahlaku Pavlov	65
2.5.1.2	Teori Keperluan Hierarki Maslow	65
2.5.1.3	Teori Pembelajaran Sosial Bandura	68
2.5.2	Bukti Empirikal	69
2.5.2.1	Hubungan Langsung Di Antara Kurikulum Terhadap Penghayatan Nilai Islam	69
2.5.2.2	Hubungan Langsung Di Antara Jurulatih Terhadap Penghayatan Nilai Islam	71
2.5.2.3	Hubungan Langsung Di Antara Infrastruktur Terhadap Penghayatan Nilai Islam	73
2.5.2.4	Hubungan Langsung Di Antara Peranan Motivasi Terhadap Penghayatan Nilai Islam	75
2.6	Kesimpulan	77
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	78
3.2	Unit Analisis	79
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan	79
3.4	Kaedah Penyelidikan Kajian	84

3.5	Instrumen Pengukuran Kajian	85
3.5.1	Kajian Perpustakaan	85
3.5.2	Borang Soal Selidik	86
3.5.3	Pemboleh Ubah	89
3.5.3.1	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	89
3.5.3.2	Pemboleh Ubah Perantara	89
3.5.3.3	Pemboleh Ubah Bersandar	90
3.6	Populasi Dan Persampelan Kajian	90
3.6.1	Populasi	90
3.6.2	Persampelan	91
3.7	Prosedur Kajian	93
3.7.1	Fasa Pertama: Kajian Rintis	93
3.7.2	Fasa Kedua: Kajian Sebenar	95
3.8	Analisis Data	97
3.8.1	Ujian Kebolehpercayaan	97
3.8.2	Ujian Kenormalan	99
3.8.3	Analisis Varians (ANOVA)	99
3.8.4	Analisis Korelasi Pearson	100
3.8.5	Analisis Permodelan Persamaan Struktur (SEM-PLS)	101
3.8.5.1	Analisis Data Menggunakan SmartPLS	102
3.8.5.2	Analisis Pengesahan Faktor	103
3.8.5.3	Ujian Kebolehpercayaan Konstruk	105
3.8.5.4	Pengujian Model	106
3.9	Kesimpulan	107

## **BAB 4 KEPUTUSAN UJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pendahuluan	108
4.2	Pra-Analisis	109
4.3	Profil Demografi	110
4.3.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	111
4.3.2	Taburan Responden Berdasarkan Umur	111
4.3.3	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	112
4.3.4	Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik	113
4.3.5	Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bulanan	114
4.3.6	Taburan Responden Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	114
4.3.7	Taburan Responden Berdasarkan Kumpulan Perjawatan	115
4.3.8	Taburan Responden Berdasarkan Pecahan Lokasi Kajian	116
4.3.9	Taburan Responden Berdasarkan Tahap PIFA	116
4.4	Pengukuran Pemboleh Ubah	119
4.4.1	Pengukuran Pemboleh Ubah Tidak Bersandar: Kurikulum	119
4.4.2	Pengukuran Pemboleh Ubah Tidak Bersandar: Jurulatih	120
4.4.3	Pengukuran Pemboleh Ubah Tidak Bersandar: Infrastruktur	120
4.4.4	Pengukuran Pemboleh Perantara: Motivasi Anggota Tentera	121

4.4.5	Pengukuran Pemboleh Ubah Bersandar: Penghayatan Nilai Islam	122
4.5	Ujian Kebolehpercayaan	123
4.5.1	Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan: Kajian Rintis	124
4.5.2	Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan: Kajian Sebenar	128
4.6	Ujian Kenormalan Data	129
4.7	Analisis Model Persamaan Struktural	133
4.7.1	Keputusan Kajian Model Langsung	133
4.7.1.1	Persoalan Kajian 1: Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Hubungan Kurikulum Program PIFA Dengan Penghayatan Nilai Islam?	135
4.7.1.2	Persoalan Kajian 2: Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Hubungan Jurulatih Program PIFA Dengan Penghayatan Nilai Islam?	137
4.7.1.3	Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Hubungan Infrastruktur Program PIFA Dengan Penghayatan Nilai Islam?	139
4.7.2	Model Pemboleh Ubah Perantara	143
4.7.2.1	Model Pengukuran	144
4.7.2.2	Analisis Ujian Kesahan Konstruk Kajian	145
4.7.3	Keputusan Kajian Model Pemboleh Ubah Perantara	149
4.7.3.1	Persoalan Kajian 4: Adakah Terdapat Pengaruh Tidak Langsung Kurikulum Program PIFA Terhadap Penghayatan Nilai Islam Melalui Motivasi Sebagai Perantara Dalam Kalangan Anggota Tentera Darat?	149
4.7.3.2	Persoalan Kajian 5: Adakah Terdapat Pengaruh Tidak Langsung Jurulatih Program PIFA Terhadap Penghayatan Nilai Islam Melalui Motivasi Sebagai Perantara Dalam Kalangan Anggota Tentera Darat?	152
4.7.3.3	Persoalan Kajian 6: Adakah Terdapat Pengaruh Tidak Langsung Infrastruktur Program PIFA Terhadap Penghayatan Nilai Islam Melalui Motivasi Sebagai Perantara Dalam Kalangan Anggota Tentera Darat	154
4.8	Kesahan Hipotesis	156
4.9	Kesimpulan	158

<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	159
5.2	Ringkasan Kajian	159
5.3	Ringkasan Dapatan Kajian	162
5.4	Implikasi Kajian	177
	5.4.1 Implikasi Terhadap Teori	177
	5.4.2 Implikasi Terhadap Dasar	178
5.5	Limitasi Kajian	180
5.6	Cadangan Kajian Di Masa Akan Datang	181
5.7	Rumusan	182
<b>RUJUKAN</b>		184
<b>APENDIKS</b>		199
<b>BIODATA PENULIS</b>		219

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	: Peruntukan Masa Untuk Melaksanakan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam	16
Jadual 1.2	: Statistik Kes Jenayah Melibatkan Tentera Darat Mengikut Kategori Bagi Tahun 2010 Sehingga Tahun 2018	20
Jadual 1.3	: Jumlah Anggota Tentera Darat Yang Lemah Dalam Pembacaan Al-Quran dan Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA) ATM	21
Jadual 3.1	: Nilai 4 Skala Likert Jawapan Borang Soal Selidik	88
Jadual 3.2	: Bilangan Kem, Unit Ketenteraan dan edaran borang soal selidik di Lembah Klang	91
Jadual 3.3	: Pekali Saiz Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	98
Jadual 3.4	: Nilai Panduan Korelasi Linear Pearson	100
Jadual 4.1	: Taburan Responden Berdasarkan Jantina	111
Jadual 4.2	: Taburan Responden Berdasarkan Umur	112
Jadual 4.3	: Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	112
Jadual 4.4	: Taburan Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik	113
Jadual 4.5	: Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bulanan	114
Jadual 4.6	: Taburan Responden Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	115
Jadual 4.7	: Taburan Responden Berdasarkan Kumpulan Perjawatan	115
Jadual 4.8	: Taburan Responden Berdasarkan Pecahan Lokasi Kajian	116
Jadual 4.9	: Taburan Responden Berdasarkan Tahap Program PIFA	119
Jadual 4.10	: Keputusan Nilai Min, Sisihan Piawai dan Varian	119
Jadual 4.11	: Pekali Saiz Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	123
Jadual 4.12	: Kesahan Item Kajian Rintis: Pemboleh Ubah Tak Bersandar	125
Jadual 4.13	: Kesahan Item Kajian Rintis: Pemboleh Ubah Perantara	126
Jadual 4.14	: Kesahan Item Kajian Rintis: Pemboleh Ubah Bersandar	126
Jadual 4.15	: Analisis Nilai Kebolehpercayaan Ke Atas Pemboleh Ubah Bebas, Pemboleh Ubah Perantara Dan Pemboleh Ubah Bersandar: Kajian Rintis	128
Jadual 4.16	: Analisis Nilai Kebolehpercayaan Ke Atas Pemboleh Ubah Bebas, Pemboleh Ubah Perantara Dan Pemboleh Ubah Bersandar: Kajian Sebenar	129

<b>No. Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Jadual 4.17	: Analisis Nilai Kepencongan Dan Kurtosis	131
Jadual 4.18	: Ujian Taburan Normal Bagi Pemboleh Ubah Bebas, Pemboleh Ubah Bersandar Dan Pemboleh Ubah Perantara	132
Jadual 4.19	: Korelasi Di Antara Pemboleh Ubah Bersandar Dan Pemboleh Ubah Tak Bersandar	134
Jadual 4.20	: Pekali Korelasi antara Kurikulum Program PIFA dan Penghayatan Nilai Islam Dalam Kalangan Anggota Tentera Darat	136
Jadual 4.21	: Analisis Ujian Anova Sehalu Kurikulum Program PIFA Berdasarkan Penghayatan Nilai Islam	137
Jadual 4.22	: Pekali Korelasi di antara Jurulatih Program PIFA dan Penghayatan Nilai Islam Dalam Kalangan Anggota Tentera Darat	138
Jadual 4.23	: Analisis Ujian Anova Sehalu Jurulatih Program PIFA Berdasarkan Penghayatan Nilai Islam	139
Jadual 4.24	: Pekali Korelasi antara Infrastruktur Program PIFA dan Penghayatan Nilai Islam Dalam Kalangan Anggota Tentera Darat	140
Jadual 4.25	: Analisis Ujian ANOVA Sehalu Infrastruktur Program PIFA Berdasarkan Penghayatan Nilai Islam	141
Jadual 4.26	: Konstruk Pengesahan Dan Kebolehpercayaan	146
Jadual 4.27	: Ujian Kriteria Fornell-Larcker	147
Jadual 4.28	: Keputusan Ujian Pemberat Silang	148
Jadual 4.29	: Ringkasan Nilai $R^2$ Bagi Motivasi Dan Penghayatan Nilai Islam	149
Jadual 4.30	: Keputusan Ujian Hipotesis di Antara Kurikulum, Motivasi dan Penghayatan Nilai Islam	150
Jadual 4.31	: Keputusan Ujian Hipotesis Jurulatih, Motivasi dan Penghayatan Nilai Islam	152
Jadual 4.32	: Keputusan Ujian Hipotesis Infrastruktur, Motivasi dan Penghayatan Nilai Islam	154
Jadual 4.33	: Kesahan Hipotesis Secara Langsung	156
Jadual 4.34	: Kesahan Hipotesis Melalui Pemboleh Ubah Perantara	157

## SENARAI RAJAH

<b>No. Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	: Hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar ke atas kajian.	27
Rajah 1.2	: Hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar, pemboleh ubah perantara dan pemboleh ubah bersandar ke atas kajian.	28
Rajah 2.1	: Lingkaran kitaran motivasi	52
Rajah 2.2	: Teori ilmu dan amal al-Ghazali (1993)	55
Rajah 2.3	: Model penilaian kurikulum Objektif Tyler	58
Rajah 2.4	: Model Penilaian Kirkpatrick	60
Rajah 2.5	: Teori Pembelajaran Sosial Bandura	68
Rajah 3.1	: Reka Bentuk Kajian	82
Rajah 3.2	: Analisis Pengantaraan Statistik	102
Rajah 4.1	: Hubungan Di Antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh Ubah Bersandar Ke Atas Kajian.	133
Rajah 4.2	: Lakaran Hubungan Bersebab di antara Pelbagai Pemboleh Ubah Bebas, Pemboleh Ubah Perantara Dan Pemboleh Ubah Bersandar	143
Rajah 4.3	: Nilai Pemberat Bagi Laluan Model Berstruktur	145
Rajah 4.4	: Dapatan Pengujian Hipotesis H2a Menggambarkan Nilai $\beta$ & $R^2$ .	151
Rajah 4.5	: Dapatan Pengujian Hipotesis H2a Menggunakan Bootstrapping (t).	151
Rajah 4.6	: Dapatan Pengujian Hipotesis H2b Menggambarkan Nilai $\beta$ & $R^2$ .	153
Rajah 4.7	: Dapatan Pengujian Hipotesis H2b Menggunakan Bootstrapping (t)	153
Rajah 4.8	: Dapatan Pengujian Hipotesis H2c Menggambarkan Nilai $\beta$ & $R^2$	155
Rajah 4.9	: Dapatan Pengujian Hipotesis H2c Menggunakan Bootstrapping (t)	155
Rajah 5.1	: Graf perhubungan di antara penghayatan nilai Islam ke atas kurikulum program PIFA.	164
Rajah 5.2	: Graf perhubungan di antara penghayatan nilai Islam ke atas jurulatih program PIFA.	167
Rajah 5.3	: Graf perhubungan di antara penghayatan nilai Islam ke atas infrastruktur program PIFA.	169



## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	: <i>Analysis of Variance</i>
ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
AVE	: <i>Average Variance Extracted</i>
BGD	: Briged
CIPP	: <i>Context, Input, Process, Product</i>
CR	: <i>Composite Reliability</i>
CSJ	: Cawangan Sisatan Jenayah
DPMKI	: Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam
DPNI	: Dasar Penerapan Nilai Islam
GPI	: Guru Pendidikan Islam
HSP	: Hasil Sukatan Pelajaran
JPA	: Jabatan Perkhidmatan Awam
JRP	: Jabatan Arah Rekod dan Pencen
KAGAT	: Kor Agama Angkatan Tentera
KDP	: Kursus Dalam Perkhidmatan
KEMENTAH	: Kementerian Pertahanan
KOD	: Kor Ordnan Diraja
LCD	: <i>Liquid-Crystal-Display</i>
LLP	: Lain-Lain Pangkat
MAT	: Majlis Angkatan Tentera
PIFA	: Pendidikan Islam dan Fardu Ain
PMAT	: Pemerintah Majlis Angkatan Tentera
RAD	: Rejimen Artileri Diraja
RAMD	: Rejimen Askar Melayu Diraja
RRD	: Rejimen Renjer Diraja
SEM	: <i>Structural Equation Modelling</i>
SmartPLS	: <i>SMART Partial Least Square</i>
SMKA	: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	: <i>Statistical Package for Social Sciences</i>
TDM	: Tentera Darat Malaysia
TLDM	: Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	: Tentera Udara Diraja Malaysia
UiTM	: Universiti Teknologi MARA
VLE	: <i>Virtual Learning Environment</i>

## SENARAI APENDIKS

<b>No. Apendiks</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
<b>LAMPIRAN A</b>	: <i>Educational and Psychological Measurement</i>	200
<b>LAMPIRAN B</b>	: Senarai Nama Pakar Rujuk	201
<b>LAMPIRAN C</b>	: Borang Soal Selidik	202
<b>LAMPIRAN D</b>	: Keputusan <i>Statistical Package of Science Social</i>	208
<b>LAMPIRAN E</b>	: Lakaran Histogram Dan Normal P-P Plot	216
<b>LAMPIRAN F</b>	: Biodata Penulis	219

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Islam dari segi bahasa berasal daripada kata dasar *salama* yang membawa maksud taat dan patuh, aman dan damai serta terlepas atau jauh daripada kekurangan-kekurangan zahir dan batin. Manakala dari segi istilah syarak, Islam ialah tunduk, taat dan patuh kepada Allah SWT (Ahmad Sabri, 2003). Islam merupakan agama yang sempurna bukan hanya terletak berasaskan kepada elemen kerohanian semata-mata, malah bahkan meliputi segenap aspek kehidupan seorang muslim. Bagi mencapai tahap kesempurnaan kehidupan, setiap individu muslim haruslah melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang panjang.

Hakikatnya, kesempurnaan dalam kehidupan bukanlah sesuatu yang dapat diperolehi dengan mudah. Malah, seorang muslim haruslah bermuhasabah serta mengenal pasti segala kekurangan serta kelemahan bagi proses pengislahan diri, sumbangan kepada masyarakat dan seluruh alam. Namun begitu, kebanyakan individu melihat kesempurnaan hanya dari sudut keupayaan memiliki kemewahan kehidupan tanpa menilai dari perspektif Islam.

Menurut Dzuhailmi et. al., (2012) bahawa manusia merupakan sebaik-baik ciptaan Allah SWT dan paling istimewa, sebagaimana Firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”. (QS, At-Tin, 4).

Selari dengan konsep ke atas kesempurnaan manusia, maka Islam telah memerintahkan agar manusia mentaati perintah Allah SWT. Setiap perintah dari Allah SWT perlu dilaksanakan dalam setiap masa selari dengan konsep ke atas penghayatan nilai Islam yang telah disyariatkan. Natijahnya, hasil daripada kesempurnaan manusia akan menghasilkan kejayaan di dunia dan di akhirat. Ini adalah kerana kehidupan dunia dan akhirat haruslah diseimbangkan.

Di samping itu, Islam telah meletakkan kehidupan di akhirat yang lebih utama, luas dan kekal abadi dan bukanlah meletakkan aspek kehidupan dunia semata-mata. Menurut Dzuhailmi et. al., (2012) bahawa aspek ketenangan jiwa, keberkatan rezeki serta kebahagiaan hidup merupakan tanda-tanda kejayaan yang diperolehi seseorang muslim di dalam kehidupan dunia yang sementara. Hasil kejayaan muslim menerusi proses penghayatan nilai Islam dan taat kepada hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah SWT.

Melalui proses penerimaan penghayatan nilai Islam secara berterusan akan memberi keberkatan dalam kehidupan sebagaimana Firman Allah SWT:

يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ

فَازَ فَوزًا عَظِيمًا

Maksudnya:

“Barangsiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah memperoleh keberuntungan yang sangat besar.” (al-Ahzab 33:71)

Namun begitu, krisis nilai telah menjadi satu isu yang sentiasa melanda umat manusia sejak dahulu sehinggalah kini. Kedatangan Rasulullah SAW bukan sahaja sebagai Rasul untuk menyampaikan akidah Islam malah sebagai pendidik untuk membentuk nilai akhlak mulia sebagaimana hadis yang disabdakan oleh baginda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”

Perdebatan krisis ke atas nilai telah menarik perhatian dalam kalangan ahli akademik. Krisis nilai dalam kalangan manusia telah timbul kerana sebahagian manusia telah meninggalkan nilai Islam dalam kehidupan seharian. Malah, manusia turut gagal memahami ajaran serta didikan yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah

SAW serta nilai kepercayaan dan keyakinan tentang kewujudan Allah SWT. Seharusnya, manusia haruslah meletak dan menyandarkan keyakinan bahawa setiap manusia akan dihisab. Pengadilan akan dihisab berdasarkan setiap langkah yang diatur, setiap gerak yang perbuatan, setiap niat yang terdetik di dalam hati dan setiap kata yang tertutur akan dihisab tanpa sebarang perlindungan di akhirat kelak (Abdul Hamid et.al., 2004).

Menurut Shamsul Kamaruddin (2011) yang menyatakan bahawa manusia yang memiliki daya kekuatan untuk memahami isu dalam masyarakat dengan membuat penilaian secara kritis di antara kebenaran dan kepalsuan. Melalui tahap penilaian kritis merupakan satu proses pemikiran secara teliti demi menjelaskan dan meningkatkan kefahaman seseorang individu bagi mendorong individu tersebut mendalami kebenaran sesuatu perkara. Kaedah pemikiran kritis dapat mendorong individu agar bersifat rasional, menilai dan menimbang pelbagai pendapat dan idea sebelum membuat keputusan.

Justeru, bagi mengelakkan sifat kejahilan manusia, garapan ilmu melalui pendidikan Islam perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat. Penerapan ini ialah melalui pendedahan sebaik-baiknya melalui penghayatan nilai Islam. Menurut Mudasir dan Munawar (2010) menyatakan bahawa penghayatan nilai Islam dalam erti kata yang sebenar ialah dapat membentuk individu muslim yang baik, memiliki akhlak terpuji. Bertitik tolak dari situ, kajian penyelidikan akan memberi fokus bagi mengenal pasti sejauh manakah penghayatan nilai Islam dalam anggota Tentera Darat melalui program pendidikan Islam yang dikenali program Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA).

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pendidikan Islam merupakan aspek yang penting dalam usaha membina penghayatan nilai Islam. Menurut Hassan Langgulung (1991) bahawa tujuan terpenting dalam pendidikan Islam ialah keseimbangan dalam diri individu melalui terdiri daripada Jasmani, Rohani, Emosi dan Intelek (JERI). Empat-empat elemen tersebut merupakan asas kepada pengabdian sepenuhnya seseorang individu kepada Allah SWT demi memperolehi keredaan daripadanya. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979) bahawa dasar asas kepada objektif pendidikan Islam ialah membentuk nilai peradaban manusia dan bertanggungjawab serta menghayati nilai Islam secara keseluruhannya. Menurut Abdul Hafiz et. al., (2012) bahawa penghayatan nilai Islam berupaya membangunkan modal insan yang seimbang melalui pendidikan Islam yang holistik dan sepadu.

Secara umum, definisi pendidikan Islam merujuk gabungan daripada dua asas yang penting. Asas pertama, merujuk kepada sebahagian elemen daripada pendidikan Islam, etika serta moral dalam setiap insan. Asas kedua, merujuk kepada bentuk dalam mendidik ke atas pemikiran manusia melalui kaedah saintifik dan rasional. Menurut Yaacob Awang dan Che Bakar Che Mat (2004) menyatakan bahawa asas kepada pendidikan Islam ialah berteraskan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk individu yang taat kepada Allah SWT dan memenuhi keperluan sebagai pemimpin yang dapat menjalankan amanah, menghayati nilai Islam serta mentaati perintah Allah SWT. Menurut Ghazali (2004) bahawa kepentingan ke atas pendidikan Islam begitu memberi perhatian ke atas nilai kemanusiaan bagi memberi bimbingan serta panduan setiap insan di muka bumi. Menurut Ahmad

Sabri (2003) bahawa agama Islam merupakan ad-Din yang syumul. Nilai kesempurnaan di dalam agama Islam meliputi keseluruhan aspek dalam kehidupan seharian di sudut politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya, sebagaimana melalui Firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ

الْإِسْلَامَ دِينًا ۚ فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ ۖ فَإِنَّ

اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya:

“Pada hari ini telah Ku Sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Kucukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Aku redai Islam itu jadi agama bagimu. Maka barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang” (Al-Maa-idah: 3)

Pendidikan Islam merupakan aspek terpenting di dalam ajaran Islam. Melalui pendidikan Islam, penghayatan nilai Islam akan tercapai selaras kepada kepatuhan, ketaatan dan hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. Menurut Mohd Faiz dan Kamarul Azmi (2011) bahawa kepentingan ke atas pendidikan Islam merupakan suatu platform yang dapat membawa individu muslim ke arah kepada penghayatan nilai Islam, melalui kemajuan teknologi semasa dan pembangunan modal insan kelas pertama.



Penghayatan nilai Islam melalui program pendidikan Islam dapat diterjemahkan melalui pelbagai program keagamaan seperti aktiviti dakwah. Melalui program pendidikan Islam merupakan satu proses yang berterusan agar setiap generasi dapat menghayati Islam dengan lebih mudah. Bimbingan nilai Islam secara berterusan kepada individu muslim haruslah, selari dengan tuntutan ke atas ilmu nilai keislaman. Ilmu keislaman merujuk kepada kerangka asas di dalam penghayatan ke atas nilai Islam setiap muslim. Kerangka asas penghayatan nilai Islam secara tidak langsung menjadikan setiap muslim terhindar daripada unsur negatif yang boleh merosakkan nilai keimanan dan ketauhidan.

Menurut Ahmad Atory Hussain (1986) menjelaskan bahawa nilai adalah sesuatu yang abstrak. Pengertian abstrak merujuk tidak dapat dilihat, tidak dapat dipegang dan tidak boleh dirasai oleh manusia. Manakala menurut Wan Sabri Wan Hussin (2002) menyatakan nilai yang wujud di dalam diri seorang individu terbina berdasarkan ke atas pelbagai faktor dan situasi seperti pendidikan, sosioekonomi, budaya, agama, geografi dan sebagainya di sepanjang proses kehidupan yang dilalui oleh setiap individu muslim.

Di samping itu, asas utama kepada aspek sesuatu nilai seorang individu muslim ialah bertunjangkan kepada akidah dan syariat. Oleh itu, nilai penghayatan seseorang individu ialah berlandaskan kepada ketaatan perintah Allah SWT. Justeru, nilai seorang individu ke atas sistem ini haruslah dihayati, dididik, dicari serta diamalkan dengan sepenuhnya di dalam kehidupan seharian secara berterusan bagi membentuk individu yang mengamalkan gaya hidup selari dengan syariat Islam.